

Christina bantu UMS kotakan sasaran

UB 9-2-2018 112

KOTA KINABALU: Christina Ideris tebus kegagalan mempertahankan pingat emas silatnya dengan merangkul pingat emas dalam sukan acara kumite 68kg wanita pada Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2018 pada Khamis.

Kemenangan itu sekaligus mengotakan sasaran dua pingat emas UMS di samping dua perak dan dua gangsa pada sukan yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor itu.

Christina yang juga digelar 'Iron Lady' UMS mengalahkan peserta Universiti Teknologi Mara (UiTM), Siti Hajar Mohd

Azhar 4-1 pada perlawanan akhir. Pingat gangsa dimenangi atlet Politeknik Malaysia dan UNISZA.

Christina mendapat gelaran 'Iron Lady' kerana selain atlet silat dan karate, dia juga adalah pemain ragbi kebangsaan dan bola jaring.

"Tahniah kepada Christina kerana telah membantu UMS mengotakan sasaran dua pingat emas. Ia adalah penamat yang baik buat UMS. Kami sudah lepassasaran.

"Syabas juga kepada atlet lain yang lebih awal menyumbangkan pingat," kata Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraf Fong Abdullah ketika dihubungi pada Khamis.

UMS yang telah menamatkan cabaran pada kejohanan itu telah mengutip dua pingat emas, lima perak dan dua gangsa.

Skuad taekwondo menyumbangkan satu pingat emas, tiga perak dan dua gangsa manakala satu lagi pingat perak dimenangi JI Fedalliah Claritta Jaimin dalam acara lompat jauh wanita.

UMS menghantar kontinjen dengan kekuatan hanya 18 atlet iaitu antara kontinjen paling kecil pada sukan yang disertai lebih 100 pasukan itu.

UMS hanya mengambil bahagian dalam enam daripada 27 jenis sukan

yang dipertandingkan iaitu taekwondo, silat, karate, olahraga, boling tenpin dan petanque.

Sukan lain yang dipertandingkan adalah ragbi, sofbol, boling padang, kriket, bola sepak, hoki enam sebelah, badminton, ping pong, catur, bola tampar, lawan pedang, sepak takraw, skuasy, bola jaring, golf, tenis, bola tampar pantai, berbasikal, menembak, memanah dan renang.

Pertandingan dijadualkan berakhir hari ini. - **Oleh VITALIS G. BINGKASAN**

CHRISTINA meraih emas kedua UMS menerusi acara karate.

